

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

SPW204 - Teori dan Kaedah Sains Politik

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan 1** dari Bahagian A dan **DUA** (2) soalan lagi dari Bahagian B.

Bahagian A

Jawab Soalan 1.

1. Berikan keterangan ringkas atas:

- a. konsep “kelas” (menurut Marx)
- b. faktor keadilan sebagai penentu ketidakstabilan dan perubahan politik (menurut Aristotle)
- c. penambahan pegawai bawahan dan pekerjaan dalam sebuah birokrasi (menurut Parkinson)
- d. ikatan penaung-pelanggan
- e. fasisme

(100 markah)

...2/-

Bahagian B

Jawab **DUA** (2) soalan sahaja.

2. "Tiada burjuis tiadalah demokrasi" kata B. Moore. Dengan merujuk kepada proses peralihan dari masyarakat agraria ke masyarakat moden berindustri kes England,uraikan apakah dimaksudkan oleh Moore dengan kenyataannya. Seterusnya jelaskan mengapakah sebuah sistem bukan demokrasi, sama ada fasisme ataupun komunisme, telah muncul menurut Moore lagi, di sebuah negara lain pilihan anda.
(100 markah)
3. Max Weber merupakan ahli sains sosial utama yang meneliti fenomena "birokrasi moden". Menurutnya, apakah asal-usul sistem birokrasi moden ini? Dari sudut pandangan yang mana birokrasi ini mempunyai "kelebihan teknikal"? Adakah birokrasi moden ini mendorong ke arah kemunculan satu sistem politik yang lebih demokratik ataupun sebaliknya?
(100 markah)
4. "Dengan menumpu perhatian pada faktor ekonomi, sarjana-sarjana yang memakai perspektif pengantungan menjelaskan kekurangan pendekatan modenisasi yang memberi keutamaan pada faktor budaya khasnya. Namun, perspektif pengantungan ini masih mengandungi kekurangan tersendiri." Bincangkan.
(100 markah)
5. "Menurut Huntington, perbezaan politik yang paling asas dewasa ini bukannya perbezaan antara negara dari segi ideologi. Lebih asas lagi adalah tahap pemerintahan yang diwujudkan dalam sesebuah negara." Bincangkan.
(100 markah)
6. Jelaskan bagaimana perspektif kelas mungkin boleh membantu kita menganalisis proses politik dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia.
(100 markah)